



28 JUL, 2026

## TNB, Air Selangor perkukuh infrastruktur utiliti negara



Utusan Malaysia, Malaysia

# TNB, Air Selangor perkukuh infrastruktur utiliti negara

Oleh HENDRA WINARNO  
 ekonomiutusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) memeterai kerjasama strategik menerusi Perjanjian Pembekalan Elektrik (ESA) dan Perjanjian Pembekalan Tenaga Pendinginan (CESA) bagi memperkukuh kebolehppercayaan, daya tahan serta kemampunan infrastruktur tenaga dan air negara.

Kerjasama itu dijangka meningkatkan kecekapan infrastruktur awam kritikal, di samping menyokong aspirasi negara ke arah peralihan tenaga, kemampunan dan jaminan keselamatan bekalan air.

Menerusi ESA, TNB akan membekalkan elektrik voltan tinggi kepada Loji Rawatan Air Sungai Rasau di Kuala Langat, Selangor yang merupakan loji rawatan air terbesar di Asia Tenggara dengan kapasiti rawatan sebanyak 1,400 juta liter sehari (MLD).

Apabila siap sepenuhnya pada 2031, loji berkenaan dijangka membekalkan air terawat yang bersih dan selamat kepada 9.62 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Perjanjian itu turut menjadikan Loji Rawatan Air Sungai Rasau sebagai loji rawatan air pertama di negara ini menerima bekalan elektrik secara terus pada



**SHAMSUL Ahmad (depan kiri) dan Adam Saffian Ghazali (depan kanan) memeterai perjanjian bagi pihak TNB dan Air Selangor dalam majlis yang berlangsung di Kuala Lumpur.**

voltan 132 kilovolt (kV), sekali gus meningkatkan kebolehppercayaan dan kecekapan operasinya.

Selain itu, anak syarikat milik penuh TNB, TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC), akan membekalkan perkhidmatan Gas District Cooling kepada fasiliti Air Selangor di Jalan Pantai Baharu menerusi CESA dengan tempoh kongsesi selama 20 tahun.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad berkata, kerjasama tersebut membuktikan integrasi lebih erat antara sektor tenaga dan air mampu memperkukuh daya tahan infrastruktur kritikal negara,

selain menyokong agenda pembangunan jangka panjang Malaysia.

“Kerjasama ini mencerminkan komitmen TNB dalam menyediakan penyelesaian tenaga yang inovatif dan mampan.

“Dengan menggabungkan kepakaran kami bersama Air Selangor, kami mencipta nilai yang memberi manfaat kepada pelanggan, memperkukuh perkhidmatan utiliti penting serta menyumbang kepada masa depan Malaysia yang lebih lestari,” katanya.

Inisiatif tersebut menjadikan Air Selangor sebagai syarikat utiliti air pertama di Malaysia yang

menggunakan perkhidmatan pendinginan lingkungan, sekali gus meningkatkan kebolehppercayaan sistem, prestasi tenaga dan kecekapan operasi berbanding sistem pendinginan konvensional.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Adam Saffian Ghazali berkata, kerjasama tersebut merupakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha Air Selangor memastikan bekalan air terawat yang bersih dan selamat disalurkan secara berterusan kepada 9.62 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Sebagai penyedia perkhidmatan air terbesar di Malaysia, Air Selangor komited memastikan operasi yang cekap, berdaya tahan dan mampan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi serta memenuhi keperluan pengguna.

“Kerjasama ini memperkukuh usaha kami untuk memastikan kesinambungan bekalan air melalui penggunaan penyelesaian teknologi yang lebih cekap dan mampan,” katanya.

Majlis berkenaan turut disaksikan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof serta Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari yang juga Pengerusi Air Selangor.